




JABATAN LAUT MALAYSIA  
BAHAGIAN PENDAFTARAN KAPAL

**GARIS PANDUAN PENGGUNA BAGI  
PENGELUARAN SURAT KEBENARAN  
VESEL PENANGKAPAN IKAN  
TEMPATAN MEMBAWA PENUMPANG  
UNTUK AKTIVITI PENANGKAPAN IKAN  
REKREASI KELAUTAN**

Mac 2021

	<b>JABATAN LAUT MALAYSIA</b>
	<b>GARIS PANDUAN PENGGUNA BAGI PENGELUARAN SURAT KEBENARAN VESEL PENANGKAPAN IKAN TEMPATAN MEMBAWA PENUMPANG UNTUK AKTIVITI PENANGKAPAN IKAN REKREASI KELAUTAN</b>
	<b>TARIKH KEMASKINI : MAC 2021</b>

## 1. PENGENALAN

1.1 Perundangan yang termaktub untuk bot yang dilesenkan di Malaysia adalah di bawah :

- a. Seksyen 473A hingga 485, Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 (OPS 1952);
- b. Kaedah Bot, 1953 (L.N. 312/1953); dan
- c. Peraturan 18, Peraturan-Peraturan Perikanan (Kelautan) (Pelesenan Vesel Penangkapan Ikan Tempatan) 1985 di bawah Akta Perikanan 1985.

1.2 Setiap bot yang belayar di mana-mana pelabuhan, sungai atau kawasan di Malaysia untuk tujuan di bawah perlu dilesenkan :

- a. Perdagangan atau perniagaan;
- b. Pengangkutan mana-mana individu selain daripada perdagangan atau perniagaan;
- c. Aktiviti sukan, riadah dan rekreasi.

## 2. DEFINASI

**“Surat Kebenaran”** ialah surat yang dikeluarkan oleh Pengarah Laut Wilayah untuk pengecualian Peraturan 18, Peraturan-Peraturan Perikanan (Kelautan) (Pelesenan Vesel Penangkapan Ikan Tempatan) 1985 di bawah Akta Perikanan 1985.


**“Pengarah Laut Wilayah”** sebagaimana takrifan Seksyen 8, OPS 1952,

**“Pemeriksa Bot”** adalah Pegawai yang dilantik oleh Pengarah Wilayah untuk menjalankan pemeriksaan ke atas bot.

**“Bot”** ertinya vesel penangkapan ikan tempatan sebagaimana takrifan Seksyen 2, Akta Perikanan 1985.

**“Penumpang”** ertinya mana-mana orang selain dari tekong dan krew bot yang dibawa dalam bot dengan tujuan rekreasi kelautan,

**“Rekreasi Kelautan”** ditakrifkan sebagai aktiviti menangkap ikan di perairan kelautan menggunakan joran atau kail-mengail untuk tujuan kesukanan, riadah, hiburan serta untuk mendapatkan ketenangan dan kepuasan diri.

	<b>JABATAN LAUT MALAYSIA</b>
	<b>GARIS PANDUAN PENGGUNA BAGI PENGELUARAN SURAT KEBENARAN VESEL PENANGKAPAN IKAN TEMPATAN MEMBAWA PENUMPANG UNTUK AKTIVITI PENANGKAPAN IKAN REKREASI KELAUTAN</b>
	<b>TARIKH KEMASKINI : MAC 2021</b>

### **3. TEMPOH SAH LAKU SURAT KEBENARAN**


- 3.1 Surat Kebenaran yang dikeluarkan mempunyai tempoh sah laku tidak melebihi dua belas (12) bulan dari tarikh ia dikeluarkan **ATAU** tidak melebihi tarikh tamat tempoh Lesen Vesel dan Peralatan Menangkap Ikan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perikanan Malaysia, yang mana terawal.
- 3.2 Tempoh sah laku Surat Kebenaran ini terbatal dengan sendirinya sekiranya Lesen Vesel dan Peralatan Menangkap Ikan pemilik digantung, dibatalkan atau tidak diperbaharui oleh Jabatan Perikanan Malaysia.

### **4. PERLINDUNGAN INSURAN**

Pemilik bot wajib mendapatkan perlindungan insuran atau jaminan kewangan dari institusi yang mendaftar atau yang mendapat pengecualian dari Bank Negara Malaysia sejajar dengan Seksyen 8(1)(a), Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 bagi melindungi liabiliti pihak ketiga.

### **5. SYARAT-SYARAT AKTIVITI REKREASI KELAUTAN**

- 5.1 Had Pelayaran tertakluk kepada Perakuan Kekompetenan yang dikeluarkan oleh Jabatan Laut Malaysia. Bot hendaklah dikendalikan oleh nakhoda / tekong tempatan yang berpengalaman dan mempunyai sekurang-kurangnya Perakuan Kekompetenan Mate Domestik Terhad (< 500 GT).
- 5.2 Bot hanya dibenarkan beroperasi semasa dalam keadaan cuaca baik sahaja, iaitu dimana tiada amaran angin kencang dari Jabatan Meteorologi Malaysia.
- 5.3 Bot-bot dari zon A dan zon B hendaklah digalakkan dipandu oleh pemilik bot itu sendiri atau mana-mana tekong tempatan manakala zon C dan C2 hendaklah dipandu oleh mana-mana tekong tempatan yang memiliki kelayakan Perakuan Kekompetenan yang dikeluarkan oleh Jabatan Laut Malaysia.
- 5.4 Peralatan penangkapan ikan yang dibenarkan di atas bot hanya peralatan memancing.
- 5.5 Tidak dibenarkan membawa penumpang ke sesuatu destinasi bertujuan untuk mendarat kecuali dalam kecemasan.
- 5.6 Menyerahkan butiran penumpang sebelum pelayaran kepada Persatuan / Pangkalan / Agensi Kerajaan dan melapor ketibaan.
- 5.7 Mengesahkan penumpang sebelum belayar dan sepanjang pelayaran.

	<b>JABATAN LAUT MALAYSIA</b>
	<b>GARIS PANDUAN PENGGUNA BAGI PENGELUARAN SURAT KEBENARAN VESEL PENANGKAPAN IKAN TEMPATAN MEMBAWA PENUMPANG UNTUK AKTIVITI PENANGKAPAN IKAN REKREASI KELAUTAN</b>
	<b>TARIKH KEMASKINI : MAC 2021</b>

## 6. PERALATAN KESELAMATAN BOT

Peralatan keselamatan bot yang perlu disediakan serta bilangan adalah seperti berikut :


	<b>Peralatan keselamatan (LSA &amp;FFA)</b>	<b>Bilangan</b>
1.	Jaket keselamatan	Dewasa; mengikut jumlah bilangan penumpang dan krew dibawa dengan tambahan 5% daripadanya.  Kanak-kanak; jumlah kanak-kanak yang dibawa (jika ada).
2.	Boya dengan tali (panjang tali tidak kurang 18 meter)	2
3.	Pemadam api mudah alih jenis serbuk kering 9kg	1
4.	Lampu suluh (jenis yang tidak tenggelam)	1
5.	First aid	1
6.	Hand Flare (disimpan dalam bekas kedap air)	6 unit
7.	Pendayung (untuk bot yang menggunakan 1 enjin)	1 unit

## 7. BILANGAN PENUMPANG

Jumlah penumpang yang dibenarkan dibawa oleh sesebuah bot akan ditentukan mengikut jenis bot / jenis enjin sebagaimana jadual di bawah :

	<b>Jenis Bot/Jenis Enjin</b>	<b>*Bilangan maksimum krew termasuk tekong</b>	<b>*Bilangan maksimum penumpang</b>
1.	Bot dengan/tanpa enjin sangkut (outboard)	2	5
2.	Bot dengan enjin dalam (inboard);	4	12

*\* Bilangan penumpang sebenar tertakluk kepada pemeriksaan dan perakuan Pemeriksa Bot.*

	<b>JABATAN LAUT MALAYSIA</b>
	<b>GARIS PANDUAN PENGGUNA BAGI PENGELUARAN SURAT KEBENARAN VESEL PENANGKAPAN IKAN TEMPATAN MEMBAWA PENUMPANG UNTUK AKTIVITI PENANGKAPAN IKAN REKREASI KELAUTAN</b>
	<b>TARIKH KEMASKINI : MAC 2021</b>

## **8. ASPEK KESELAMATAN DAN KESELESAAN BOT**

### **8.1 Badan bot;**

- i. Badan bot telah diperiksa dan diperakukan layak layar oleh Jabatan Perikanan Malaysia.
- ii. Tiada kebocoran pada badan bot dan stern tube.
- iii. Pam bilga mencukupi dan sentiasa berfungsi (automatik atau manual).

### **8.2 Kelengkapan pada bot;**


- i. Penyediaan tandas yang sesuai dan boleh digunakan dengan selamat adalah digalakkan.
- ii. Lantai dek yang bersih dan tidak licin.
- iii. Perkakasan memancing disimpan dengan baik dan tidak membahayakan penumpang.
- iv. Kawasan tempat duduk hendaklah selesa dan tidak menghalang peralatan LSA dan FFA yang disediakan di atas kapal.
- v. Peralatan sauh dan tali temali yang secukupnya.

### **8.3 Jentera dan elektrik;**

- i. Enjin diselenggara secara rutin.
- ii. Enjin berfungsi dengan baik dan sentiasa pantau keadaan enjin.
- iii. Tiada kebocoran minyak pelincir yang ketara pada enjin dan menyebabkan pencemaran.
- iv. Pendawaian dilakukan dengan kemas dan selamat.
- v. Penebat pendawaian tidak terdedah kepada kerosakan dan boleh menyebabkan litar pintas dan kebakaran.

### **8.4 Kakitangan bot;**

- i. Bot dikendalikan oleh nakhoda / tekong tempatan yang berpengalaman dan mempunyai sekurang-kurangnya Perakuan Kekompetenan Mate Domestik Terhad (< 500 GT).
- ii. Krew dapat mengendalikan situasi kecemasan dengan baik (kemalangan di laut / kecederaan semasa pelayaran / cuaca buruk secara tiba-tiba).

	<b>JABATAN LAUT MALAYSIA</b>
	<b>GARIS PANDUAN PENGGUNA BAGI PENGELUARAN SURAT KEBENARAN VESEL PENANGKAPAN IKAN TEMPATAN MEMBAWA PENUMPANG UNTUK AKTIVITI PENANGKAPAN IKAN REKREASI KELAUTAN</b>
	<b>TARIKH KEMASKINI : MAC 2021</b>

### 8.5 Perkakasan / peralatan lain;


- i. Perkakasan / peralatan lain yang wajib atau digalakkan berdasarkan kategori enjin sangkut atau enjin dalam adalah seperti berikut;

	Jenis Bot/Jenis Enjin	Semua bot dengan/tanpa enjin sangkut (outboard)	Semua Bot dengan enjin dalam (inboard);
1.	Mempunyai peralatan FFA dan LSA yang mencukupi yang memenuhi spesifikasi ditetapkan dibawah SOLAS 1974.	Wajib	Wajib
2.	*Peralatan navigasi yang berfungsi seperti Global Positioning System (GPS), Echo Sounder dan lain-lain.	Digalakkan	Digalakkan
3.	*Lampu navigasi hendaklah mematuhi COLREGS 1972 yang menunjukkan lampu dan bentuk yang diperlukan.	Wajib	Wajib
4.	Isyarat hon yang berfungsi dengan baik.	Wajib	Wajib
5.	Memiliki sekurang-kurangnya Personal Locator Beacon (PLB) atau yang lebih baik;	Wajib	Wajib
6.	*Mempunyai satu (1) unit Radio VHF (156 - 174 MHz Band).	Wajib	Wajib
7.	Mempunyai satu (1) Compass Magnetik yang berfungsi dengan baik.	Wajib	Wajib
8.	*Perlu dilengkapi dengan sekurang-kurangnya Automatic Identification System (AIS) Transponder Class B AIS.	Wajib	Wajib

*\*Tertakluk kepada pemeriksaan bot oleh Pemeriksa Bot.*

### 8.6 Operasi rutin;

- i. Rutin pemantauan enjin dan jentera lain sepanjang pelayaran.  
ii. Rutin pemantauan petak enjin sepanjang pelayaran (risiko kebocoran).

	<b>JABATAN LAUT MALAYSIA</b>
	<b>GARIS PANDUAN PENGGUNA BAGI PENGELUARAN SURAT KEBENARAN VESEL PENANGKAPAN IKAN TEMPATAN MEMBAWA PENUMPANG UNTUK AKTIVITI PENANGKAPAN IKAN REKREASI KELAUTAN</b>
	<b>TARIKH KEMASKINI : MAC 2021</b>

## 9. KAEDAH PERMOHONAN

Permohonan untuk Surat Kebenaran perlu dikemukakan kepada Pejabat Perlesenan Bot (Jabatan Laut Wilayah).

Sila layari laman web Jabatan Laut Malaysia : [www.marine.gov.my](http://www.marine.gov.my)  
(Prosedur →Perkapalan →Perlesenan Bot →Pelabuhan Perlesenan Bot)

bagi direktori perhubungan Pejabat Perlesenan Bot.

### 7.1 Jadual Fi

Tiada fi yang dikenakan buat masa ini.

### 7.2 Senarai Template Surat Permohonan

Template Surat Permohonan boleh dimuat turun di [www.marine.gov.my](http://www.marine.gov.my)  
(Perkhidmatan →Borang →Perkapalan →Template Surat Permohonan Vesel Penangkapan Ikan Tempatan Membawa Penumpang Bagi Aktiviti Penangkapan Ikan Rekreasi Kelautan)

### 7.3 Tatacara Permohonan

Pemilik bot perlu mengemukakan dokumen-dokumen kepada Pejabat Perlesenan Bot :

- a. Surat Permohonan Vesel Penangkapan Ikan Tempatan Membawa Penumpang Bagi Aktiviti Penangkapan Ikan Rekreasi Kelautan.
- b. Surat sokongan daripada Pejabat Perikanan Negeri / Daerah.
- c. Salinan diakui sah Kad Pengenalan Pemilik.
- d. Salinan Kad Pendaftaran Nelayan Pemilik yang disahkan oleh Pejabat Perikanan Negeri / Daerah.
- e. Salinan Lesen Vesel dan Peralatan Menangkap Ikan yang disahkan oleh Pejabat Perikanan Negeri / Daerah.
- f. Salinan Pembaharuan Lesen Vesel yang disahkan oleh Pejabat Perikanan Negeri / Daerah.
- g. Salinan Pertukaran Hakmilik/Alamat Kediaman/Pangkalan yang disahkan oleh Pejabat Perikanan Negeri / Daerah.
- h. Salinan diakui sah Perakuan Kekompetenan Nakhoda (COC) - **Warganegara Malaysia.**
- i. Salinan diakui sah Kad Pelaut Nakhoda.
- j. Polisi Perlindungan Insuran.



**JABATAN LAUT MALAYSIA**


**GARIS PANDUAN PENGGUNA BAGI PENGELUARAN SURAT KEBENARAN  
VESEL PENANGKAPAN IKAN TEMPATAN MEMBAWA PENUMPANG  
UNTUK AKTIVITI PENANGKAPAN IKAN REKREASI KELAUTAN**

**TARIKH KEMASKINI : MAC 2021**


**7.4 Piagam Pelanggan**

Memproses dan mengeluarkan Surat Kebenaran dalam tempoh 3 hari bekerja iaitu selepas mendapat pengesahan/kelulusan laporan pemeriksaan beserta dokumen sokongan yang lengkap.

**7.5 Carta Alir Permohonan**





	<b>JABATAN LAUT MALAYSIA</b>
	<b>GARIS PANDUAN PENGGUNA BAGI PENGELUARAN SURAT KEBENARAN VESEL PENANGKAPAN IKAN TEMPATAN MEMBAWA PENUMPANG UNTUK AKTIVITI PENANGKAPAN IKAN REKREASI KELAUTAN</b>
	<b>TARIKH KEMASKINI : MAC 2021</b>

Jabatan Laut Malaysia akan menyemak maklumat yang dikemukakan, walau bagaimanapun adalah menjadi tanggungjawab pemilik bot untuk memastikan bahawa semua maklumat yang dinyatakan di dalam surat permohonan adalah tepat. Sebarang maklumat yang tidak tepat akan menyebabkan kelewatan dalam proses pengeluaran Surat Kebenaran.